



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

KKM.600-29/4/105 Jld 2 (66)

14 Oktober 2022

YBhg. Datuk/Dato'/Dato' Indera/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 20 /2022

**PEMBERHENTIAN PEMBERIAN VAKSIN KOMBINASI MEASLES-
RUBELLA SECARA RUTIN KEPADA MURID TAHUN SATU DI
BAWAH PROGRAM IMUNISASI KEBANGSAAN BAGI KANAK-
KANAK**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pemberhentian pemberian vaksin kombinasi measles-rubella (MR) secara rutin kepada murid Tahun Satu di sekolah di bawah Program Imunisasi Kanak-Kanak bermula tahun 2023.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 13/2015 bersiri KKM.600-1/2/3 (10) dan bertarikh 17 Disember 2015 bertajuk Perubahan Jadual Imunisasi Measles (Demam Campak) untuk Kanak-Kanak di Malaysia telah menggariskan perkara berikut:

2.1.1 Mulai 01 April 2016, jadual imunisasi bagi kanak-kanak yang lahir pada 01 Julai 2015 dan ke atas adalah seperti berikut:

- (i) Dos pertama imunisasi measles (MCV1) diberikan pada usia kanak-kanak sembilan (9) bulan menggunakan vaksin kombinasi Measles-Mumps-Rubella (MMR).
- (ii) Dos kedua imunisasi measles (MCV2) diberikan pada usia kanak-kanak 12 bulan menggunakan vaksin kombinasi Measles-Mumps-Rubella (MMR) juga.

2.1.2 Bagi kanak-kanak yang lahir sebelum 01 Julai 2015, jadual imunisasi measles adalah seperti berikut:

- (i) Pemberian MCV1 adalah pada umur 12 bulan.
- (ii) Pemberian MCV2 kepada murid sekolah Tahun Satu (1) diteruskan sehingga tahun 2021.
- (iii) Pemberian MCV2 kepada murid sekolah Tahun Satu akan diberhentikan pada tahun 2022..

3. PEMBERHENTIAN PEMBERIAN VAKSIN KOMBINASI MEASLES-RUBELLA SECARA RUTIN KEPADA MURID TAHUN SATU

- 3.1 Kanak-kanak yang lahir sebelum 01 Julai 2015 akan lengkap menerima imunisasi MCV2 pada tahun 2022 semasa berada dalam Tahun Satu di sekolah. Manakala, kanak-kanak yang lahir pada 01 Julai 2015 dan seterusnya telah menerima imunisasi MCV2 pada umur mereka 12 bulan.
- 3.2 Oleh itu, mulai tahun 2023, pemberian vaksin kombinasi measles-rubella secara rutin kepada murid Tahun Satu akan dihentikan.
- 3.3 Walau bagaimanapun, pemeriksaan rekod imunisasi murid Tahun Satu perlu diteruskan. Bagi murid Tahun Satu yang belum lengkap menerima dua (2) dos imunisasi measles atau / dan rubella, maka vaksin kombinasi measles-mumps-rubella (MMR) perlu diberikan. Penggunaan vaksin MMR bagi kanak-kanak yang cicir imunisasi ini dapat mengurangkan pembaziran, memandangkan ia dibekalkan dalam sediaan vial dos tunggal atau vial dua (2) dos,

berbanding vaksin kombinasi measles-rubella yang dibekalkan dalam sediaan vial sepuluh (10) dos.

4. TINDAKAN PUSAT TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Pusat Tanggungjawab perlu merancang perolehan vaksin kombinasi measles-rubella (MR) bagi menyelesaikan pemberian vaksin tersebut kepada murid Tahun Satu tahun 2022.
- 4.2 Sebarang lebihan bekalan vaksin kombinasi measles-rubella (MR) yang telah diperolehi dan tidak digunakan untuk pemberian vaksin kepada murid Tahun Satu boleh digunakan untuk aktiviti imunisasi tambahan (*supplementary immunisation activities*, SIA) di lokaliti, daerah atau negeri.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Arahan di dalam surat pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2023.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Aras 3, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8883 4504 / 4411 / 4421

ATAU

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Aras 8, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8883 4002/ 4078

7. PENUTUP

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dato' Indera/ Datin/ Tuan/ Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen dari semua anggota kesihatan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan
Teknikal)

SENARAI EDARAN

Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan

Pengarah
Bahagian Kejururawatan

Pengarah
Bahagian Pengurusan Latihan

Pengarah
Bahagian Perolehan dan Penswastan

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan WP Labuan